Telephone: Brunei Students Unit
(020 7402 0045)
Brunei Hall
(020 7402 0953)
Fax: 020 7262 8406
Website: www.upp.org.uk
Email: admin@upp.org.uk

اونيت ڤنونتوت بروني
**BRUNEI STUDENTS UNIT**
HIGH COMMISSION OF BRUNEI DARUSSALAM
35 – 43 Norfolk Square
London W2 1RX

**SURAT PEMAKLUMAN UNIT PENUNTUT-PENUNTUT**
**BILANGAN 03/2018**

# PEMAKLUMAN BAGI LATIHAN PENEMPATAN SEMENTARA DAN SUKARELAWAN SEBAGAI PEMBANTU PENGAJAR DI SEKOLAH RENDAH DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM SEMASA CUTI MUSIM PANAS

Sukacita menarik perhatian khususnya pelajar-pelajar Biasiswa kerajaan dan Skim Bantuan Pinjaman Pendidikan Tahun 2 Ijazah Sarjana Muda yang akan menggunakan kemudahan tambang kerajaan Biennial Leave semasa cuti musim panas Julai hingga September 2018.

2. Sebagai salah satu inisiatif Unit Penuntut-Penuntut dan Kementerian Pendidikan untuk memberikan pendedahan dan pengalaman kepada dunia pekerjaan sebenar bagi penuntut-penuntut yang sedang belajar di United Kingdom, setiap pelajar tahun 2 Ijazah Sarjana Muda biasiswa kerajaan adalah **digalakkan** untuk mengikuti latihan penempatan sementara semasa cuti musim panas di Negara Brunei Darussalam sekurang-kurangnya bagi tempoh **empat (4) hingga enam (6) minggu**.

3. Syarat-syarat mengikuti Latihan Penempatan Sementara adalah seperti berikut:

3.1 Latihan hendaklah di adakan di Negara Brunei Darussalam sahaja sama ada agensi kerajaan ataupun swasta;
3.2 Setiap penuntut perlu mengenalpasti dua (2) buah jabatan/ kementerian/ pertubuhan/ syarikat yang berkaitan dengan kursus yang sedang diikuti;
3.3 Tempoh minima bagi latihan penempatan sementara bagi setiap agensi ialah selama tiga (3) minggu dan menjadikan keseluruhan latihan selama enam (6) minggu atau jika 1 jabatan sahaja latihan penempatan hendaklah dijalankan selama empat (4) ke enam (6) minggu.
3.4 Setiap penuntut yang berhasrat untuk menggunakan kemudahan tambang kerajaan *Biennial Leave* semasa cuti musim panas hendaklah terlebih dahulu menghadapkan **Borang Penempatan Sementara** (link).
3.5 Borang Latihan Penempatan Sementara hendaklah **dihadapkan melalui UPP Online** atau emel ke academic@upp.org.uk selewat-lewatnya pada **10 Februari 2018**.
3.6. Pelajar juga dikehendaki menghantar CV bersama dengan Borang Latihan Penempatan Sementara tersebut.

4. Dalam hubungan ini, Unit Penuntut-Penuntut sukacita berharap para penuntut akan mengambil peluang baik ini untuk menimba pengalaman di bidang pekerjaan sebenar walaupun ianya tidak dimestikan. **Penuntut-penuntut persendirian** juga adalah dialu-alukan untuk menjalani latihan penempatan sementara. Walaubagaimanapun, latihan tersebut nanti adalah juga **tertakluk kepada penerimaan dan kuota** yang diperuntukkan oleh agensi-agensi yang dipohonkan oleh penuntut.

5. Dalam hal berkaitan, sukacita juga memaklumkan bahawa Bahagian Biasiswa, Kementerian Pendidikan melalui surat Kementerian Pendidikan rujukan: JPLL/A/35[UPP]/J1[42] bertarikh: 15 Syawal 1437 bersamaan 20 Julai 2016 sedang bekerjasama dengan Unit Penggerak, Jabatan Perdana Menteri mengungkayahkan projek kebangsaan **menangani pelajar-pelajar sekolah rendah yang lemah dalam *"literacy and numeracy"***.

2/...

Sehubungan itu, penuntut-penuntut tahun 2 yang akan bercuti di tanahair semasa musim panas adalah sangat disarankan untuk terlibat sebagai **Pembantu Pengajar *(Assistant Teacher)*** dalam matapelajaran **English, Mathematics dan Science** untuk pelajar-pelajar sekolah rendah. Penuntut-penuntut yang berminat bolehlah mengisikan Borang Penempatan Sementara sebagai salah satu pilihan penempatan sementara.

Sekian disampaikan untuk perhatian dan tindakan setiap penuntut mengenainya.

Wassalam.

***" Tanpa Rasuah, Negara Aman Damai"***

**Irmawati binti Haji Ahmad**
Pengarah Pengajian
Unit Penuntut-Penuntut, London

Rujukan: BSU/E/5 Part XIV
Tarikh: 25 Rabiulakhir 1439 / 10 Januari 2018

/ah/2018